

# Pelancongan: 119 pembeli temui 90 penjual Asean

**GENTING HIGHLAND, Isnin** — Berjuta-juta ringgit perniagaan dalam bidang pelancongan dijangka akan diurusniagakan dalam pasaran pelancongan ASEAN (Travex) yang bermula di sini semalam.

Pasaran yang akan berjalan selama tiga hari itu adalah sebahagian daripada forum pelancongan ASEAN yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok.

Seramai 119 pembeli dari 17 buah negara, kebanyakannya dari Jepun, Jerman Barat, Asia Barat, India, Amerika Syarikat, Hong Kong dan negara Amerika Latin akan menemui kira-kira 90 penjual dari negara ASEAN untuk menyertai urusanniaga tersebut.

Seorang jurucakap forum itu memberitahu, Jepun mengetuai senarai pemaju dan lebih 26 pemborong terkemuka dari negara itu telah menyambut undangan Malaysia untuk menyertai pasaran tersebut.

## Peluang

Para penjual terbatas hanya kepada mereka dari negara-negara ASEAN kerana objektif pasaran itu ialah untuk mewujudkan peluang perniagaan bagi perdagangan pelancongan di rantau ini, jelasnya.

Forum pelancongan ASEAN itu dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) bersama Persatuan Pelancongan ASEAN dan Persatuan Hotel dan Restoran ASEAN.

Selain itu, ia juga mendapat sokongan daripada badan-badan pelancongan kebangsaan keempat-empat negara ASEAN lain. — Bernama.